

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 1 (A123)**

Adakah keselamatan pengkalan data negeri terjamin akan keselamatan data kerajaan negeri dan nyatakan senarai pencegahan bagi membendung ancaman di zaman data terbuka ini.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN**

Keselamatan Pangkalan Data bagi semua aplikasi Kerajaan Negeri dikawal rapi di Pusat Data Kota Iskandar dan Pusat Pemulihan Bencana. Melalui Bahagian Sains Teknologi Dan ICT Johor, Kerajaan Negeri sentiasa memastikan segala data berada dalam keadaan selamat dengan penguatkuasaan Dasar Keselamatan ICT Negeri Versi 2.0 dan melantik pegawai keselamatan ICT peringkat negeri dan jabatan.

Selain itu, setiap pelayan (server) bagi aplikasi Kerajaan Negeri, dilengkapi dengan firewall yang dapat mengawal dan menapis segala akses dari luaran atau dalaman. Tidak semua data kerajaan negeri diklasifikasikan sebagai data terbuka. Hanya data yang boleh dikongsi umum sahaja yang dibenarkan dan diberi akses untuk kegunaan bersama. Data-data rahsia hanya boleh diakses oleh pegawai yang dipertanggungjawabkan sahaja. Perkongsian data di dalam konsep data terbuka itu adalah hak Kerajaan Negeri.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI HAJI ISMAIL (SG. BALANG)**

**SOALAN 2 (A27)**

Program Galakan Usahawan (PGU) kini telah bertukar nama kepada Perintis Keusahawanan Johor (PKJ). Apakah bantuan kepada usahawan yang baru di perkenalkan dengan penjenamaan baru yang lebih baik.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Seperti diketahui umum, di bawah pentadbiran YAB Menteri Besar Johor yang baru, Program Galakan Usahawan telah dijenamakan semula menjadi Perintis Keusahawanan Johor (PKJ). Bagi mendepani masa hadapan dan pola ekonomi yang kian mencabar, fokus utama Jabatan Pertanian adalah untuk terus memperkasakan usahawan dalam bidang pemprosesan makanan. Hal ini terus menjadi agenda utama bagi memastikan Johor sebagai pengeluar makanan utama Negara dan seterusnya menyumbang kepada kerancangan pertumbuhan ekonomi Negara umumnya.

Oleh yang demikian, PKJ pada era ini tampil dengan nafas yang baru dengan menjadikan aktiviti pemprosesan makanan dan juga pembangunan tanah terbiar menjadi fokus utama. Oleh yang demikian, kerajaan negeri tetap meneruskan bantuan Projek Industri kecil (PIK) dan juga Pembangunan Projek Pertanian (PPP) bagi memastikan hasrat Johor menjadi negeri termaju dalam pembangunan produk hiliran.

Justeru itu, bantuan mesin dan kelengkapan bengkel kepada pengusaha yang menjalankan aktiviti pemprosesan makanan akan diberi kepada mereka yang layak. Selain itu, bantuan dan bentuk pembungkusan juga diberi bagi memberi nilai tambah kepada produk usahawan. Sebagai tambahan, sekiranya usahawan menunjukkan perkembangan yang baik selepas mendapat bimbingan daripada pihak Jabatan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, usahawan boleh memohon bantuan sebuah bengkel pemprosesan bagi menyediakan usahawan ke arah persijilan halal dan MeSTI.

Selain itu, bantuan bagi membangunkan juga dikekalkan dan juga diperkasa. Pemohonan yang mempunyai tanah terbiar dan cukup syarat boleh memohon bantuan input pertanian, benih, pembersihan kawasan dan juga pengairan. Namun begitu, bantuan bagi tanaman semula sawit adalah di luar skop tugas Jabatan Pertanian.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN MOHD. IZHAR BIN AHMAD (LARKIN)**

**SOALAN 3 (A31)**

Apakah pelan perancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah perumahan setinggan dalam jangka masa pendek?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelan perancangan bagi mengurangkan masalah setinggan di Negeri Johor adalah di bawah tindakan pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ). Namun, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) telah menempatkan setinggan-setinggan yang memerlukan penempatan sementara di Projek-Projek Program Perumahan Rakyat (PPR).

Untuk makluman dewan yang mulia jua, penempatan setinggan-setinggan yang terlibat ini adalah berdasarkan senarai yang telah dibanci dan disahkan oleh Pejabat Daerah Johor Bahru untuk dibantu. Berikut disertakan jumlah setinggan yang telah ditempatkan di PPR Negeri Johor sehingga Jun 2019:

<b>Bil</b>	<b>Projek</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
1	PPR Desa Mutiara	77
2	PPR Kempas Permai	900
3	PPR Melana Indah Fasa 1	350
4	PPR Uda Utama	36
<b>Jumlah</b>		<b>1,363</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)**

**SOALAN 4 (A101)**

Sekarang, banyak proses pengagihan tanah untuk generasi kedua sedang berlaku di kawasan Felda. Adakah proses pengagihan telah dirujuk dengan pihak berkuasa tempatan?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Pihak FELDA berkerjasama rapat dengan pejabat daerah dan kerajaan negeri bagi menguruskan proses pemberian lot kepada generasi kedua. Status tanah FELDA adalah di bawah akta GSA yang mengawal penggunaan tanah dalam kawasan rancangan. Namun begitu, bagi lot rumah yang telah diluluskan permohonan untuk membatalkan seksyen 4 dan seksyen 6 perlulah dibuat di Pejabat Tanah Daerah. Kuasa meluluskan pembatalan warta adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dengan diluluskan oleh Menteri dan Felda hanya menyokong permohonan. Peruntukan jumlah lot hanya tertakluk kepada jumlah peneroka dan kawasan kosong dalam rancangan. Berikut merupakan senarai jumlah lot generasi yang telah diluluskan diperingkat PTG.

Bil	Parlimen	Dun	Rancangan	Jumlah Peneroka	Jumlah Telah Dibuat Rumah	Jumlah Permohonan Baru	Luas (Ekar)	Status
1	Kota Tinggi	Sedili	Bkt. Aping Timur	545	0	350	35.00	Borang Jadual 1 Telah Dikeluarkan
2			Bkt. Easter	401	0	438	36.50	
3			Bukit Wa Ha	364	0	364	50.00	
4			Lok Heng Barat	484	0	460	15.00	
5			Lok Heng Selatan	371	0	376	54.20	
6			Lok Heng Timur	469	0	469	46.47	
7			Tenggaroh (S) 1	80	0	80	11.00	
<b>Jumlah</b>				<b>2714</b>	<b>0</b>	<b>2537</b>	<b>248.17</b>	

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

Jumlah keseluruhan lot baru yang telah diluluskan serta bilangan rumah yang telah dibina adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Dun</b>	<b>Rancangan</b>	<b>Jumlah Peneroka</b>	<b>Jumlah Telah Dibuat rumah</b>	<b>Jumlah Kelulusan Baru</b>
1	Kulai	Bukit Permai	Inas Utara	264	0	266
			<b>JUMLAH</b>	<b>264</b>	<b>0</b>	<b>266</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 5 (A164)**

Senaraikan sungai dan tasik yang masih berpotensi dan boleh dirancang untuk menjadi kawasan tadahan air demi pembinaan empangan dan loji rawatan air di negeri Johor. Nyatakan anggaran kos pembinaan empangan dan loji rawatan air serta kapasiti air yang jangka dihasilkan.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Lima sungai utama di negeri Johor yang digunakan untuk bekalan air kepada semua loji rawatan air ialah Sungai Muar, Sungai Batu Pahat, Sungai Johor, Sungai Ulu Sedili Besar dan Sungai Mersing. Terdapat beberapa projek yang dirancang bagi bekalan air di seluruh kawasan Johor. Antara projeknya ialah Cadangan *Barrage* di Sungai Muar, Cadangan *Coastal Reservoir* Untuk Sungai Pulai, Skim Takungan Air Mentah Pinggiran Sungai (STAMP), Cadangan *Coastal Reservoir* untuk Sungai Johor, Cadangan Saluran Air Mentah Dari Mawai Ke Loji Rawatan Air Gembut, Cadangan *Barrage* Di Sungai Gembut dan Cadangan Penyaluran Air Mentah Sungai Endau Ke Empangan Layang. Selain itu, terdapat dua cadangan projek *Desalination Plant* untuk Pengerang dan Tanjung Bin. Manakala bagi cadangan pembinaan empangan adalah di kawasan Sungai Mersing dan Sungai Ulu Sedili Besar. Pihak kerajaan Johor juga merancang untuk menggunakan punca air yang berpotensi untuk bekalan air di Tasik Biru Seri alam dan lombong-lombong pasir di sepanjang Sungai Johor. Kerajaan Johor telah bersetuju untuk membina Loji Rawatan Air Kahang berkapasiti 40MLD yang dijangka menelan belanja sebanyak RM66 juta.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN HAJI ABD. TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)  
SOALAN 6 (A72)**

Apakah langkah jangka panjang bagi memastikan kualiti air sungai tidak tercemar oleh sisa kilang dan ladang ternakan.

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JASNJ) memandang serius masalah pencemaran air sungai di Negeri Johor. JAS mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya yang menyekat pencemaran di peringkat punca khususnya dari punca tetap (*point sources*).

Dalam hal ini, efluen daripada kilang kelapa sawit, efluen dan kumbahan dari industri dan loji-loji pengolahan kumbahan perlulah diolah terlebih dahulu dan mematuhi had yang ditetapkan di bawah akta ini sebelum ianya dilepaskan ke mana-mana sungai. Punca-punca yang didapati tidak mematuhi had-had pelepasan pencemar yang ditetapkan akan dikenakan tindakan undang-undang berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 seperti tindakan mengeluarkan Notis Arahan, tindakan mengkompaun, tindakan penahanan operasi kelengkapan, tindakan mahkamah dan Perintah Larangan.

Di samping penguatkuasaan yang dijalankan ke atas industri-industri yang melepaskan efluen bagi memastikan pematuhan kepada standard pelepasan yang telah ditetapkan, pihak industri juga telah diwajibkan untuk melaksanakan *Guided Self Regulation (GSR)*. Melalui pelaksanaan *GSR*, pihak industri adalah diwajibkan untuk menjalankan pemantauan setiap hari terhadap prestasi sistem pengolahan efluen industri supaya ia berada pada tahap yang terbaik untuk merawat efluen dan juga memastikan kualiti efluen yang dilepaskan adalah patuh standard setiap masa.

Selain daripada menjalankan program pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan kualiti air sungai adalah terkawal, JAS juga telah melaksanakan Program *Pollution Source Survey (PSS)* iaitu mengenalpasti kesemua punca yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan menjalankan program pengawasan kualiti air sungai di seluruh negeri Johor.

Untuk makluman, JAS tidak mempunyai peruntukan khusus di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 atau mana-mana peraturan di bawahnya untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap ladang penternakan. Walau bagaimanapun, JAS turut mengemukakan ulasan kepada Jawatankuasa Pasukan Teknikal yang dipengerusikan oleh Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah pada peringkat awal sebelum pengoperasian ladang ternakan tersebut. JAS turut menilai kesesuaian lokasi ladang sekiranya ianya terletak di hulu muka sauk loji rawatan air (LRA) atau berdekatan dengan alur sungai bagi memastikan bahawa sesuatu permohonan pembangunan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

dilihat dari semua sudut terutama sekali mengenai impak ke atas kualiti air sungai yang dijangkakan akan terhasil.

Selain itu, program pendidikan kesedaran alam sekitar dan penyampaian maklumat (CEPA) juga dilaksanakan oleh JAS bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan pihak industri agar dapat bersama-sama membantu Pihak Berkuasa memastikan kualiti air sungai tidak tercemar terutamanya daripada sisa kilang dan ladang ternakan.

Di peringkat Badan Kawalselia Air Johor (BAKAJ) pula, tindakan ke atas kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran sungai diambil dengan membatalkan Lesen Abstraksi Air premis kilang yang terlibat.

Selain itu, ladang-ladang ternakkan juga mestilah membina kolam kumbahan yang mencukupi bagi memastikan air kumbahan tidak melimpah seterusnya mencemari sungai. Bagi ladang-ladang yang gagal mematuhi syarat pelepasan yang ditetapkan, kompaun dan pembatalan lesen akan dikenakan.

Bagi langkah jangka masa panjang, konsep “zero discharge” perlu dipertimbangkan. Melalui konsep ini, *effluent* yang terhasil daripada proses pengeluaran dirawat untuk diguna semula. Dalam erti kata lainnya, tiada bahan pencemar dilepaskan ke sungai-sungai atau kawasan perairan.

Di peringkat Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama dengan jabatan dan agensi berkaitan telah mengadakan satu bengkel pada – bagi membincangkan langkah-langkah bagi menangani masalah pencemaran sungai di Johor.

Antara langkah-langkah yang sedang dan akan dilaksanakan adalah sebagaimana berikut :

- i. Mewujudkan jawatankuasa pemantauan pencemaran sungai
- ii. Mengaktifkan peranan jawatankuasa pemantauan pencemaran sungai.
- iii. Pemantauan berkala oleh Pejabat Perkhidmatan Veterinar di setiap daerah
- iv. Menganjurkan beberapa kempen dan seminar berkaitan kawalan pencemaran sungai.
- v. Penambahbaikan enakmen perladangan unggas. Enakmen ini masih di peringkat semakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.
- vi. Tambahan syarat lesen menetapkan :
  - a. Semua ladang unggas dan babi perlu menyediakan kolam kumbahan
  - b. Tiada pelepasan effluent dibenarkan bagi ladang unggas berdekatan sungai dan ladang babi (zero discaj).



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI (LAYANG-LAYANG)  
SOALAN 7 (A49)**

Berapakah jumlah penerima yang telah mendapat manfaat daripada program Kad Sihat Johor setakat ini secara keseluruhan dan khususnya warga DUN Layang-layang?

**JAWAPAN YB TUAN MOHD KHUZZAN BIN ABU BAKAR**

Pihak Kerajaan Negeri berhasrat agar lebih ramai golongan B40 akan mendapat manfaat dari Kad Sihat Johor. Perluasan golongan yang menerima manfaat Kad Sihat ini akan dipertingkatkan dari tahun ke tahun.

Insentif Kad Sihat Johor juga akan diteruskan bagi tahun hadapan sebagaimana manifesto 100 hari Kerajaan Negeri Johor. Secara dasarnya pelaksanaan Kad Sihat Johor bertujuan membantu golongan B40 di Negeri Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 8 (A156)**

Berapa banyakkah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Senai-Desaru (SDE) dari tahun ke tahun sehingga 2018?.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

<b>TAHUN</b>	<b>PURATA KENDERAAN SEHARI</b>
<b>2010</b>	<b>2,310</b>
<b>2011</b>	<b>5,058</b>
<b>2012</b>	<b>7,378</b>
<b>2013</b>	<b>7,683</b>
<b>2014</b>	<b>8,349</b>
<b>2015</b>	<b>9,768</b>
<b>2016</b>	<b>11,267</b>
<b>2017</b>	<b>12,598</b>
<b>2018</b>	<b>13,202</b>

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)**  
**SOALAN 9 (A58)**

Minta dinyatakan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi meningkatkan sumber bekalan air dalam tempoh setahun yang lalu dan apakah program-programnya.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi meningkatkan sumber bekalan air dalam tempoh setahun yang lalu ialah sebanyak RM3,930,255.65.

Antara program-program yang dijalankan ialah Perkhidmatan Sewaan Pemasangan Peralatan Sistem Pemantauan Kualiti Air Sungai Johor, Pemasangan Peralatan Pengukuran Gegaran Di Loji Rawatan Air Gunung Pulai, Perkhidmatan Perunding Pemeriksaan Keselamatan Empangan Gunung Pulai, Penyediaan Pelan Pengurusan Kawasan Tadahan Air Empangan Kahang, Penyediaan Pelan Kecemasan Empangan (ERP) Empangan Juaseh, Projek Pembinaan 3 Telaga Tiub Di Kawasan Tadahan Air Sungai Sedili Kechil (Felda Lok Heng), Daerah Kota Tinggi, Johor, Kerja-Kerja Menaiktaraf Muka Sauk (Water Intake) Di Sungai Pontian Besar Bagi Keperluan Loji Rawatan Air Bukit Batu, Daerah Kulai, Johor, dan Perkhidmatan Kerja Ukur Di Kawasan Tadahan Air.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)**

**SOALAN 10 (A151)**

Mohon nyatakan status terkini pelaksanaan dan jumlah kos yang telah diluluskan untuk geran Ketua Kampung.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Sehingga 23.06.2018 sebanyak 81 permohonan geran MPKK telah diluluskan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM 804,000.00.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 11 (A23)**

Apakah kemajuan program Digital Ekonomi Johor sehingga ke hari ini khususnya dalam meningkatkan ekonomi rakyat dan Negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Digital Johor Sdn Bhd adalah agensi yang mempromosikan inisiatif Digital Ekonomi di negeri Johor. Inisiatif program Digital Ekonomi yang telah dilancarkan adalah aplikasi yang boleh dimuat naik melalui telefon pintar, "Jendela Aplikasi Servis dan Solusi" ("JASS"). Aplikasi ini telah dibangunkan oleh rakan strategik Digital Johor Sdn Bhd iaitu Telekom Malaysia ("TM").

Aplikasi versi Android telah dilancarkan pada 28 Mac 2019 di Festival Islam dan Halal Antarabangsa Johor 2019 manakala versi IOS akan dilancarkan selewat lewatnya pada bulan Julai 2019.

Aplikasi ini dapat membantu:

- i. Start up company atau usahawan-usahawan kecil di negeri Johor untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka dengan memuat naik aplikasi mereka di JASS.
- ii. Membolehkan agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan memuat naik aplikasi mereka di JASS. Langkah ini dapat memudahkan rakyat menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh Agensi dan PBT.
- iii. Membantu rakyat dan juga pelancong yang datang ke negeri Johor dengan mendapat maklumat perkhidmatan yang terdapat di Negeri Johor melalui JASS sekaligus mempromosikan lokasi pelancongan di Negeri Johor.

Penembusan Digital dalam kalangan usahawan-usahawan Johor masih rendah dan secara tidak langsung memberi kesan terhadap penggunaan JASS. Kadar muat turun JASS buat masa sekarang dianggarkan pada tahap 10%. Bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat, Telekom Malaysia Berhad telah dan akan terus menganjurkan program kempen kesedaran Digital dengan kekerapan sebanyak dua kali sebulan. TM juga telah menawarkan pakej instaweb berharga serendah RM49/ sebulan sebagai pelengkap kepada JASS.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB PUAN ZAITON BINTI HAJI ISMAIL (SG. BALANG)**

**SOALAN 12 (A26)**

Apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan untuk membanteras isu pukot tunda yang menjejaskan nelayan-nelayan khususnya nelayan-nelayan di kawasan DUN Sungai Balang.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

Di perairan pantai barat Negeri Johor mempunyai vesel pukot tunda Zon B yang berlesen di Batu Pahat (49 buah) dan Pontian (87 buah). Kawasan operasi tangkapan vesel adalah 5-12 batu nautika dari pantai daerah yang melesenkan dan waktu operasi adalah dari 6 pagi hingga 7 petang.

Isu dan masalah yang dihadapi oleh nelayan pukot tunda adalah kawasan tangkapan yang sempit dan risiko memasuki perairan Indonesia serta laluan kapal. Ini menyebabkan nelayan pukot tunda sering menceroboh kawasan tangkapan nelayan tradisional iaitu di bawah 5 batu nautika.

Usaha kerajaan Persekutuan telah dijalankan semenjak tahun 2005 untuk mengeluarkan nelayan pukot tunda dengan menawarkan exit-plan nelayan pukot tunda untuk menukar vesel Zon B kepada vesel Zon A tetapi tiada sambutan. Pada tahun 2016, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengeluarkan dasar pelesenan akan menghapuskan pukot tunda Zon B secara berperingkat sehingga 2020. Kaedah berperingkat yang dilaksanakan adalah :

- a. Gantung lesen selama setahun sekiranya melakukan kesalahan mencerohoh kawasan dibawah 5 batu nautika
- b. Dilarang untuk pindahmilik lesen
- c. Permohonan tukar kulit vesel hendaklah bersyarat dengan tukar ke zon C (12 batu nautika ke atas)

Pada tahun 2019, Jabatan Perikanan Malaysia sedang membuat kajian peralatan lain yang sesuai untuk ditukarkan dengan peralatan pukot tunda yang tidak mesra alam. Usaha sedang dijalankan oleh pihak penyelidik Jabatan Perikanan Malaysia bagi mendapatkan 'design' peralatan menangkap ikan yang sesuai dengan keadaan perairan kawasan tangkapan Zon B.

Penguatkuasaan Jabatan Perikanan Malaysia bersama APMM (Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia) menjalankan pemeriksaan dan pemantauan ke atas bot-bot pukot tunda bagi memastikan tiada pencerobohan ke kawasan tangkapan tradisional dan menangkap bot pukot tunda yang melanggar syarat yang ditetapkan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)**

**SOALAN 13 (A70)**

Berapakah kadar sewaan yang dikenakan kepada peniaga-peniaga bazar niaga di kompleks Arena Warna Ayer Hitam dan skim sewaan yang ditawarkan kepada mereka?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Kompleks Niaga Arena Warna Ayer Hitam telah mula beroperasi pada 15 Oktober 2018. Kompleks Niaga ini mempunyai komponen pembangunan seperti berikut:

i.	Gerai Makan	@ 15' x 20'	- 10 unit
ii.	Gerai Serbanika	@ 14' x 20'	- 80 unit
iii.	Tandas Awam		- 2 unit
	<b>Jumlah</b>		<b>- 92 unit</b>

Untuk makluman, kesemua unit ini telah disewa penuh dan perniagaan yang dijalankan adalah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak MDYP.

Kadar sewa bulanan yang telah ditetapkan berdasarkan keputusan MDYP kepada penyewa adalah sebanyak RM 250.00 sebulan. Pihak Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) juga ada memberikan insentif kepada penyewa seperti berikut:

- |      |                                      |                 |
|------|--------------------------------------|-----------------|
| i.   | Kadar sewa tiga (3) bulan pertama    | - sewa percuma  |
| ii.  | Kadar sewa tiga (3) bulan kedua      | - sewa RM150.00 |
| iii. | Kadar sewa tiga (3) bulan berikutnya | - sewa RM250.00 |
- Penyewa hanya dikenakan bayaran sewa bulanan penuh RM 250.00 mulai bulan ke tujuh kemasukan ke premis yang disewa.
  - Bekalan Utiliti @ bekalan air dan elektrik adalah tanggungjawab penyewa

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATO' IR. SYED SIS BIN A. RAHMAN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 14 (A157)**

Bilakah kerja-kerja menaikkan taraf dari 2 lorong kepada 4 lorong Lebuhraya Senai Desaru (SDE) dari Persimpangan Cahaya Baru ke Persimpangan Bandar Penawar akan dilaksanakan?.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI MOHD SOLIHAN BIN BADRI**

Mengikut Perjanjian Konsesi ianya dijadualkan pada tahun 2031 untuk jajaran Cahaya Baru ke Johor Lama dan tahun 2034 untuk jajaran Johor Lama ke Penawar.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 15 (A114)**

Berapa ramai usahawan yang telah berjaya menerima geran di bawah Inisiatif Ekonomi Kreatif (IEK) serta nyatakan hasil produk-produk yang telah dikeluarkan mereka.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Seperti yang telah dinyatakan dalam soalan bertulis oleh YB Bentayan, pelaksanaan Inisiatif Ekonomi Kreatif (IEK) terdapat dalam dua (2) fasa. Fasa pertama telah dijayakan bermula Oktober 2018 yang lalu.

Bagi fasa kedua yang akan dilaksanakan pada tahun ini 2019, kita telah menyediakan suatu geran untuk diberikan kepada pemain-pemain Ekonomi Kreatif (EK) yang berbakat di negeri Johor menerusi bidang-bidang atau kluster yang telah dinyatakan. Namun demikian, ia terpaksa dikaji semula disebabkan perubahan portfolio yang mana portfolio Ekonomi Kreatif telah dimansuhkan. Akibat dari perubahan mendadak ini, satu semakan dan penyusunan kembali semua pelan yang telah disusun semenjak 2018. Kerja-kerja penstrukturan semula ini pastinya memakan sedikit masa.

Untuk perancangan dan pelaksanaan seterusnya, EK akan disusun semula menjadi elemen teras di dalam portfolio Keusahawanan dan Belia. Ia akan dibahagikan kepada beberapa kluster utama iaitu **Digital Kreatif (Multimedia)**, **Usahawan Kreatif** dan **Belia Kreatif**. Begitu juga kajian Blueprint EK yang mana satu penambahbaikkkan dari skop kajian dengan menambah skop Belia.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)**

**SOALAN 16 (A116)**

Senaraikan kejadian gangguan bekalan air terawat yang berlaku setiap bulan di setiap mukim bermula Januari 2018 hingga Mei 2019 dengan menyatakan secara terperinci tempoh gangguan, punca kejadian dan tindakan yang diambil untuk mengatasinya.

**JAWAPAN YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE**

Gangguan bekalan air yang berlaku boleh disebabkan dua perkara sama ada gangguan operasional akibat kerja-kerja terancang oleh pihak Ranhill SAJ ataupun gangguan yang berlaku disebabkan masalah teknikal pada sistem bekalan air seperti kejadian paip pecah mahupun masalah sumber air mentah yang menyebabkan loji gagal beroperasi seperti kebiasaannya. Walau bagaimanapun, bekalan air terawat harus menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga memenuhi KPI-KPI yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) termasuklah prosedur-prosedur pemberhentian air sama ada dirancang atau sebaliknya.

Beberapa insiden krisis bekalan air yang berlaku di negeri ini sejak beberapa tahun kebelakangan menyedarkan kita bahawa betapa pentingnya kita memelihara sumber bekalan air di negeri ini. Sungguhpun kita mempunyai banyak sumber air, namun pengurusannya membabitkan banyak usaha-usaha kordinasi yang menuju matlamat kelestarian sumber bekalan air. Fenomena alam seperti el Nino dan La Nina bukan sahaja merubah pola cuaca di nagara ini, malah ia juga merubah pola hidrologi di negeri ini sehingga kadangkalanya berlaku di luar perkiraan kejuruteraan. Justeru, pemerkasaan BAKAJ sebagai pengawal selia di negeri ini antara pelan tindakan yang sedang berlangsung.

Selain faktor cuaca, gangguan juga boleh dilihat berpunca daripada perspektif yang diakibatkan oleh tangan-tangan manusia sepertimana berlaku pada penutupan loji Semangar dan Sungai Johor pada tahun lalu akibat pencemaran Ammonia yang dilakukan oleh pihak ke tiga sehingga menyebabkan loji tidak dapat beroperasi dan pengguna di Johor Bahru khususnya di kawasan YB Skudai terputus bekalan air. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, bermula Januari 2018, Loji Sultan Ismail yang membekalkan air ke sebahagian besar Skudai mengalami kira-kira 328 jam gangguan. Gangguan yang berlaku adalah disebabkan oleh kerja-kerja terancang, masalah teknikal di loji dan juga insiden pencemaran air mentah.

Kerajaan Negeri amat serius dalam perkara ini dan pemantauan terhadap kualiti dan kuantiti air mentah ini sememangnya adalah aktiviti berterusan oleh agensi berkaitan. Kita tidak boleh elak daripada berlakunya pelanggaran kualiti air yang

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

disebabkan oleh kecuaiian manusia, namun peningkatan dalam konteks penguatkuasaan diperlukan supaya pesalah-pesalah ini dapat terus dihadapkan ke muka pengadilan.. Bagi melindungi sungai dan empangan terbabit, maka kerajaan juga telah mewartakan kawasan-kawasan terlibat sebagai kawasan tadahan air dan kawasan larangan. Dalam kawasan ini, aktiviti manusia dikawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air. sehingga kini terdapat 13 buah kawasan tadahan air yang telah diwartakan. Kita optimis terhadap usaha-usaha pewartaan yang dijalankan oleh pihak BAKAJ dan ini adalah salah satu cara untuk mengawal kawasan tadahan air daripada terus diceroboh dan diterokai.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 17 (A7)**

Senaraikan skim bantuan yang sedia ada dan bakal diadakan dari Kerajaan Negeri Johor kepada penoreh getah dan pekebun kelapa sawit yang dapat membantu meringankan beban pekebun disebabkan kemerosotan harga komoditi.

**JAWAPAN YB TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**

**JAWAPAN RISDA**

Bagi membantu pekebun kecil menghadapi masalah kejatuhan harga komoditi getah, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) iaitu:

Insentif Pengeluaran Getah (IPG) merupakan satu bantuan yang diberikan oleh Kerajaan sebanyak RM0.10 hingga RM1.45 sekilogram ke atas setiap kilogram cuplump yang dikeluarkan oleh pekebun kecil apabila purata bulanan harga getah gred SMR20 FOB berada di paras RM5.50 sekilogram atau purata bulanan harga cuplump berada di paras RM2.20 sekilogram ke bawah. Bantuan ke atas lateks turut diberikan pada kadar RM0.90 sekilogram (100% kandungan getah kering).

Dan melalui RISDA pula, telah menyediakan peruntukan berjumlah RM 200,000.00 untuk membina depo-depo jualan berkelompok getah pada tahun 2019. Melalui, depo jualan berkelompok ini penjualan getah akan dilakukan secara tender dimana harga yang terbaik akan dapat diberikan kepada pekebun kecil getah. Secara asasnya, harga di depo ini adalah lebih tinggi di antara 20 sen ke 50 sen sekilogram. Melalui kaedah jualan secara berkelompok, pekebun kecil dianggarkan menerima pendapatan lebihan sebanyak hampir RM 100.00 sebulan berdasarkan purata pemilikan kebun seluas 1.7 hektar.

Pada Disember 2018 pula, RISDA telah membelanjakan sejumlah RM 8.159 Juta bagi membantu Pekebun Kecil Getah di Johor menghadapi masalah musim Tengkujuh. Bantuan bernilai RM 600.00 ini telah memanfaatkan sejumlah 13,599 orang pekebun getah di Negeri Johor.

**JAWAPAN MPOB**

Pihak Kerajaan Industri Utama (MPI) amat peka dan prihatin untuk membantu menanggapi masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil sawit, terutama ketika harga komoditi ini tidak menentu. Oleh itu, sebagai langkah strategik untuk jangkamasa mendatang, Pihak MPI melalui MPOB telah diperkenalkan beberapa insentif dengan objektif utama adalah untuk meningkatkan lagi pendapatan dan seterusnya kesejahteraan pekebun kecil.

Antaranya insentif tersebut adalah seperti berikut.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

- i. Memperkenalkan Pensijilan MSPO sebagai satu usaha untuk penjenamaan minyak sawit Malaysia yang berkualiti lima bintang serta dihasilkan mengikut kaedah mampan. Langkah ini pensijilan MSPO ini sekaligus dapat meningkatkan dan memperluaskan pasaran minyak sawit di dalam dan luar negara. Bagi meringankan kos yang ditanggung pekebun kecil, kerajaan memperuntukan sejumlah RM130 juta bagi Skim Persijilan MSPO pekebun kecil sawit persendirian. Mereka tidak perlu membayar yuran audit persijilan. Mereka juga akan dibekalkan secara percuma set pakaian keselamatan, setor racun, fi pertukaran syarat tanah serta menerima latihan berkaitan MSPO.
- ii. Bermula pada tahun 2019, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian (IPPKS) yang melibatkan jumlah peruntukan RM550 juta.
- iii. Bagi mengurangkan pergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit dan memberikan pedapatan tambahan kepada Pekebun kecil, Pihak Kerajaan telah melaksanakan Skim Insentif Integrasi Ternakan dengan Sawit (ITe) bermula pada 2017 dan akan diteruskan sehingga 2020. Sehingga tahun 2018, sebanyak RM10 juta telah diperuntukan untuk skim ini.
- iv. Bagi mengalakkan pekebun kecil menyertai aktiviti berteraskan perniagaan, mereka digalakkan untuk menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Pihak kerajaan memberikan insentif RM200,000 bagi sebuah KPSM untuk menubuhkan Pusat Timbang bagi memudahkan urusan jualan hasil Buah Tandan Segar (BTS) ahli-ahlinya secara berkelompok terus kekilang dengan mendapat tawaran harga yang lebih baik. Pihak Kerajaan juga telah melaksakana Skim Pinjaman Mudah Modal Pusingan RM100,000, bagi meningkatkan KPSM urusan jual beli BTS daripada pekebun kecil.
- v. Melalui MPOB, pekebun kecil sawit juga di beri khidmat nasihat serta tujuk ajar daripada Pegawai TUNAS terutama untuk mereka meningkatkan pengetahuan dalam amalan pertanian terbaik pengurusan tanaman sawit. Amalan pertanian seperti kaedah pembajaan, penggunaan anak sawit berkualiti, penuaian berkesan, pengurusan perosak dan kesedaran merekod aktiviti pengurusan sawit telah diterapkan bagi memastikan produktiviti dan seterusnya pendapatan pekebun kecil meningkat.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN MUHAMAD SAID BIN JONIT (MAHKOTA)**

**SOALAN 18 (A22)**

Kluang Junction tidak mencapai objektif untuk menjadi pusat tumpuan perniagaan bumiputera. Adakah pihak PUJB bercadang memberi nilai tambah dengan mewujudkan RTC atau pusat sehenti untuk perkhidmatan kepada rakyat?

**JAWAPAN YB TUAN HAJI SHEIKH 'UMAR BAGHARIB BIN ALI**

Bangunan Kluang Junction atau kini dikenali semula sebagai Pekan Rabu Kluang mula diurustadbir oleh Perbadanan Usahawan Johor Sdn Bhd (PUJB) pada 21 Julai 2016. Pada awal pembukaan hanya 8 premis perniagaan bumiputera dari 55 premis sediaada yang menyewa di Pekan Rabu Kluang. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi menggalakkan kemasukan peniaga bumiputera.

Pada awal tahun 2018, PUJB telah mengadakan tawaran diskaun sewaan sebanyak 50% selama 6 bulan perniagaan. Walaubagaimanapun ia masih tidak dapat menarik minat penyewa bumiputera.

Sehubungan itu, bagi memastikan Pekan Rabu Kluang lebih berdaya saing kemasukan "Anchor Tenant" iaitu Pasaraya Songmart telah dibuat di aras G bangunan pada tahun 2018, selain menawarkan SEWAAN PERCUMA selama 6 bulan pertama perniagaan dan potongan kadar sewa 50% pada 6 bulan seterusnya kepada peniaga bumiputera. Hasil dari kemasukan Pasaraya dan tawaran ini, 54 premis telah berjaya disewakan ketika itu. Kehadiran pengunjung ke Pekan Rabu Kluang juga meningkat sehingga 2000 orang sehari. Walaubagaimanapun, melalui pemantauan semasa kebanyakan premis-premis bumiputera tidak beroperasi.

Perlaksanaan tawaran sewaan yang diberikan kepada peniaga sepanjang tahun 2018 telah memberi cabaran besar kepada PUJB untuk mengurus dan menanggung kos operasi serta penyelenggaraan yang tinggi berbanding kutipan sewaan yang diterima. Kos operasi termasuk utiliti yang ditanggung PUJB pada tahun 2018 adalah sebanyak RM 536,408.05 berbanding pendapatan RM 254,677.30. Jumlah tunggakan penyewa sehingga Mei 2019 yang belum dijelaskan kepada PUJB adalah sebanyak RM 222,931.84. Kos ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat.

Perancangan semasa PUJB adalah untuk menambah nilai Pekan Rabu Kluang sebagai pusat perniagaan komersial yang kompetitif dan ekonomik kepada usahawan terutamanya usahawan bumiputera dengan mencadangkan kemasukan satu lagi "Anchor Tenant" di aras LG yang dijangka akan meningkatkan lagi pengunjung ke Pekan Rabu Kluang sehingga 4000 orang sehari dan secara tidak langsung menarik minat peniaga-peniaga bumiputera untuk menyewa. Penambahbaikan kemudahan mesra OKU dan warga emas juga sedang dirancang. Selain itu PUJB juga

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan untuk membuka kaunter dan melakukan promosi.

RTC atau (Rural Transformation Centre) merupakan produk dibawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sehingga kini, **tiada cadangan yang diterima daripada pihak KPLB untuk menjadikan Pekan Rabu sebagai RTC.**

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN KAPT (B) HAJI NAJIB BIN LEP (BUKIT PASIR)  
SOALAN 19 (A88)**

Pembangunan kilang di DUN Bukit Pasir serta jumlah pekerja warga asing semakin bertambah namun kadar kebersihan merosot, pembuangan sampah tidak terkawal dan keadaan parit yang kotor mengakibatkan pencemaran dan ketidakselesaan. Apakah bentuk kawalan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah berikut?

**JAWAPAN YB TUAN TAN CHEN CHOON**

Program-program *Corporate Social Responsibility* (CSR) penguatkuasaan dan juga kempen kebersihan dilaksanakan secara berkala dengan kerjasama antara jabatan. Antaranya Program *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) anjurkan bersama jabatan kesihatan, aktiviti plogging (aktiviti gotong-royong) di taman-taman atau kawasan perumahan COMBI, dan *Task Force* kawasan perindustrian.

Sebagaimana yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kawasan Perindustrian (IPMC) pada 26 April 2018, *Task Force* kawasan perindustrian telah ditubuhkan dan dianggotai oleh beberapa jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Kesihatan, Majlis Perbandaran Muar (MPM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pemantauan dan lawatan secara berkala mengikut jadual pada setiap bulan dilaksanakan oleh *task force* tersebut bertujuan memantau isu-isu berkaitan dengan operasi dan aspek kebersihan di kawasan perindustrian secara bersepadu. Pemantauan terkini yang telah dilaksanakan di kawasan MP Muar adalah pada 26hb Mei 2019.

Untuk makluman kepada Ahli-ahli yang berhormat, penubuhan *Task Force* kawasan perindustrian adalah diwajibkan kerana terdapat lebih kurang lapan ratus (800) buah kilang perabot di Daerah Muar. Kesemua kilang perabot ini telah menyediakan hostel kepada pekerja-pekerjanya.

Berdasarkan hasil siasatan pihak MPM, kadar kebersihan merosot, pembuangan sampah tidak terkawal dan keadaan parit yang kotor mengakibatkan pencemaran dan ketidakselesaan adalah berpunca daripada hostel kilang perabot. Sebagai langkah proaktif, *task force* ini telah menetapkan peraturan-peraturan seperti aktiviti gotong-royong diadakan pada minggu pertama setiap bulan kepada pengusaha-pengusaha kilang perabot bagi memastikan tahap kebersihan terjamin.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN MD. YSAHRUDIN BIN HJ. KUSNI (BUKIT NANING)**

**SOALAN 20 (A121)**

Dari tahun 2018 sehingga tahun 2023 bagi seluruh daerah Muar, rumah mampu biaya Johor berjumlah 933 unit, bagaimanakah cara untuk meningkatkan rumah mampu biaya Johor terutamanya dikawan DUN Bukit Naning bagi menampung peningkatan penduduk dari semasa ke semasa?

**YB TUAN YEO TUNG SIONG (PEKAN NANAS)**

**SOALAN 21 (A166)**

Apakah langkah diambil kerajaan untuk meningkatkan pembinaan rumah kos rendah dan rumah mampu biaya di negeri Johor?

**JAWAPAN YB TUAN SR. DZULKEFLY BIN AHMAD**

(Jawapan bersekali untuk soalan A121 & A166)

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, jumlah permohonan di daerah Muar bagi Rumah Mampu Biaya Johor melalui Sistem Perumahan Johor adalah sebanyak 1,885 permohonan.

Bagi menampung permintaan Rumah Mampu Biaya Johor, kerajaan telah menggariskan 5 strategi. Berikut merupakan strategi yang akan dilaksanakan:

**1. Pengambilan Balik Tanah (PBT)**

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 87 juta bagi mengambil balik tanah-tanah milik PBT. Melalui pengambilan balik tanah-tanah ini, kerajaan akan membina Rumah Mampu Biaya Johor di atas tanah-tanah tersebut. Tanah-tanah ini akan dimajukan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan – Government Linked Company (GLC) Negeri Johor bagi pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor.

**2. Pembangunan Rumah Mampu Biaya Johor oleh pemaju swasta**

Dengan usahasama yang erat bersama pihak pemaju swasta, setiap pembangunan yang akan dibina oleh pihak pemaju perlulah menyediakan komponen Rumah Mampu Biaya Johor sebanyak 40% bagi setiap pembangunan yang dimajukan.

**3. Usaha sama antara Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan**

Melalui penyediaan dana RM 1.5 bilion yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membina dan menyiapkan rumah mampu milik di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), PR1MA dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB). Kerajaan Negeri menyambut baik dan

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

mengalu-alukan usaha sama Kerajaan Persekutuan bagi memenuhi impian rakyat untuk memiliki kediaman yang selesa serta harga yang berpatutan.

**4. Projek-projek Penswastaaan**

Antara strategi kerajaan dalam menambah lagi bilangan Rumah Mampu Biaya Johor adalah melalui kaedah projek penswastaaan. Kerajaan Negeri akan berkerjasama bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan – Government Linked Company (GLC) Negeri Johor serta pemaju-pemaju swasta bagi menampung permintaan rumah mampu biaya di seluruh negeri Johor.

**5. Memperkasakan Dasar Perumahan Rakyat Johor**

Bagi memastikan, matlamat kerajaan dalam menyediakan rumah mampu biaya tercapai, pada 1 April 2019 kerajaan telah memperkenalkan satu dasar baru yang dikenali sebagai Dasar Rumah Mampu Biaya Johor. Dasar ini telah menetapkan harga Rumah Mampu Biaya Johor bermula dari RM 42,000 hingga RM 300,000. Dasar ini memperkasakan golongan B40 dan tidak ketinggalan golongan M40.

Bayaran caj gantian terhadap pemaju yang gagal menyediakan komponen Rumah Mampu Biaya Johor juga ditingkatkan. Bagi setiap kekurangan komponen Rumah Mampu Biaya Johor, pihak pemaju akan dikenakan caj gantian sebanyak RM 60,000.00 bagi setiap unit. Dasar sebelum ini menetapkan untuk dikenakan caj gantian sebanyak RM 40,000.00 bagi setiap komponen Rumah Mampu Biaya Johor yang tidak dibina. Namun begitu pihak pemaju diberi kelonggaran terhadap kaedah bayaran. Jika pihak pemaju membayar secara "*lump sum*" pihak pemaju akan dikenakan sebanyak RM 40,000.00 bagi setiap unit manakala bayaran secara ansuran, caj yang akan dikenakan adalah sebanyak RM 60,000.00 setiap unit rumah yang tidak dibina.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN CHEO YEE HOW (PERLING)**

**SOALAN 22 (A174)**

Adakah kerajaan negeri akan mengadakan misi ke mana-mana negara asing yang khusus untuk promosi Tahun Melawat Johor 2020? Pelancong negara mana yang menjadi sasaran kerajaan negeri Johor?

**JAWAPAN YB CIK LIOW CAI TUNG**

Sektor pelancongan telah menunjukkan perkembangan yang positif. Selain daripada pertambahan beberapa produk pelancongan berprofil tinggi, negeri Johor dijangka akan menerima kedatangan pelancong daripada negara-negara jiran atas keunikan lokasi negeri Johor. Atas kesedaran ini, maka Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan sentiasa berusaha untuk terus membangunkan industri pelancongan negeri Johor agar menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negeri Johor.

Sasaran negara2 baru dirancang berdasarkan Pelan Strategik Pemasaran Pelancongan Negeri Johor 2016-2020 yang memfokuskan kepada negara-negara sasaran primer dan sekunder. Negara-negara sasaran pelancongan primer adalah negara-negara Asean, **China**, **India** dan **Australia**. Manakala negara-negara sasaran pelancongan sekunder adalah negara-negara Eropah dan lain-lain.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD (BENUT)**

**SOALAN 23 (A56)**

Minta dinyatakan adakah Kerajaan Negeri berpuas hati terhadap projek pembangunan negeri Johor sejak setahun yang lalu dan mengapa?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Speaker dan ahli-ahli dewan yang mulia ini, projek pembangunan yang dilaksanakan adalah dilakukan secara konsisten bagi memastikan pembangunan Johor terus mengekalkan momentum pembangunan negeri ini.

Setakat ini, kerajaan negeri terus komited dalam melaksanakan projek-projek utama yang dirancang. Kerajaan negeri akan terus bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan dalam meneruskan kerja-kerja pemantauan terhadap inisiatif mahu pun projek-projek yang telah dirancang bagi memastikan impak positif pembangunan dirasakan oleh rakyat Johor dan memajukan lagi negeri ini.

Kemasukan pelaburan domestik dan asing ke dalam kawasan pembangunan wilayah Iskandar Malaysia juga berlaku secara berterusan untuk tempoh-tempoh mendatang. Hal ini berupaya untuk memperkukuhkan keseluruhan ekosistem wilayah berkenaan, sekaligus memberi kesan terhadap limpahan ekonomi dan rakyat Johor secara keseluruhan.

Sesungguhnya Iskandar Malaysia berkembang dengan konsisten sejak penubuhannya sejak tahun 2006 sehingga kini. Oleh sebab itu, kemampuan wilayah ekonomi ini untuk terus menyumbang kepada kemajuan Johor dan di peringkat persekutuan tidak boleh disangkal.

Pada awal tahun 2019, kerajaan telah meluluskan cadangan bagi meluaskan kawasan pembangunan wilayah Iskandar Malaysia dari kawasan seluas 2,217 kilometer persegi kepada kawasan seluas 4,749 kilometer persegi yang turut membabitkan sebahagian kawasan di daerah Kota Tinggi, Pontian dan Kluang.

Untuk membangunkan kawasan ini, pertanian moden telah dikenal pasti sebagai sektor baharu, di mana perluasan kawasan ini dapat memanfaatkan Johor dari segi ekonomi dan pembangunan sosial.

Untuk rekod, pada suku pertama 2019, Iskandar Malaysia mencatatkan pelaburan komited sebanyak RM7.7 bilion dan angka itu menyumbang kepada pelaburan komited kumulatif keseluruhan berjumlah RM293 bilion dari 2006 sehingga 31 Mac 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

Sektor pembuatan terus menerajui kemasukan pelaburan. Selain itu, empat (4) sektor lain yang merekodkan perkembangan positif adalah sektor Logistik, Pelancongan, Kesihatan dan Pendidikan.

Pembangunan Johor terus rancak dengan pembukaan R&F Mall dan Capri by Fraser Residence yang terletak di pusat Bandar raya Johor Bahru. Selain, pembukaan Taman Sukan Extrim XPark di Sunway Iskandar, Sea Life, Legoland Malaysia dan pelancaran fasa ketiga Johor Premium Outlet (JPO) pada suku tahun pertama 2019.

Kesemua ini terus memeriahkan lagi sektor pelancongan negeri Johor.

Sementara itu, baru-baru ini, kerajaan Persekutuan telah menunjukkan minat terhadap negeri Johor dalam bidang pembangunan kluster koko di negeri ini. Johor telah dikenalpasti sebagai salah satu cadangan lokasi bagi penubuhan hab perdagangan koko di Asia dan seterusnya menjadikan Malaysia 'King of Chocolate' di rantau Asia.

Usahawan-usahawan tempatan turut diberikan perhatian dan dibantu untuk meningkatkan pendapatan mereka. Antara usaha di bawah pembangunan Iskandar Malaysia adalah dengan melalui pembukaan Medan Selera Iskandar Malaysia yang telah dirasmikan pada awal tahun sekali gus berupaya membantu meningkatkan lagi sektor pelancongan di negeri ini.

Kerajaan negeri akan sentiasa memastikan pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan dan memanfaatkan rakyat Johor.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB TUAN GOPALAKRISHNAN A/L SUBRAMANIAM (TIRAM)**

**SOALAN 24 (A108)**

Berapakah dana yang telah diperuntukan untuk kuil-kuil hindu oleh Kerajaan Pakatan Harapan Negeri Johor sehingga kini.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Tiram, sejumlah RM1 juta telah diperuntukkan dan disalurkan oleh Pejabat Menteri Besar Johor kepada sejumlah 47 kuil Hindu di seluruh negeri Johor bermula Mei 2018 sehingga Mei 2019.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)**

**SOALAN 25 (A93)**

Sila nyatakan dengan jelas berapa peratus pelan pembangunan negeri Johor seperti di dalam Belanjawan 2019 yang telah dilaksanakan? Jika ada pelan pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan, sila nyatakan sebab dan alasannya?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Pembentangan Belanjawan Johor 2019 telah menetapkan sebanyak 207 titik fokus yang akan digerakkan demi kesejahteraan negeri dan rakyat Johor.

Sehingga pertengahan Jun ini, 18 titik fokus telah pun siap dilaksanakan 189 sedang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi terlibat.

Kerajaan Negeri melalui pejabat Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pemantauan dan Kesejahteraan Rakyat) menjalankan pemantauan rapi dari semasa ke semasa terhadap setiap jabatan dan agensi terlibat bagi mengemas kini status pelaksanaan projek-projek yang telah diumumkan dapat dilaksanakan dengan lancar.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB SENATOR DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)**

**SOALAN 26 (A189)**

Minta kerajaan menyatakan sejauh manakah status dan perkembangan yang telah dan sedang dijalankan kerajaan selepas hampir setahun pengumuman meletakkan Segamat dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman, Yang Berhormat Buloh Kasap, Segamat telah diumumkan menjadi sebahagian koridor pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) berdasarkan Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Akta 688) yang dipinda.

Segamat dimasukkan dalam ECER kerana daerah itu mempunyai hubung rapat antara Mersing dan Rompin di Pahang yang merupakan sebahagian koridor wilayah berkenaan.

Langkah ini diambil bagi memastikan pembangunan Segamat dapat dilaksanakan dengan lebih konsisten dan maju lagi, selain memastikan daerah ini tidak tercicir dalam arus pembangunan yang sedang berlaku di sekelilingnya.

Sehubungan itu, kerajaan persekutuan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah melancarkan Pelan Induk ECER 2.0 (2018-2025) bagi merencanakan lagi pembangunan sosioekonomi ECER, dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di wilayah pembangunan ini.

Dengan tema “Lonjakan Seterusnya” Pelan Induk ini menggariskan strategi utama projek-projek berimpak tinggi dan program-program inklusif berteraskan rakyat yang akan dilaksanakan di ECER bagi mendukung pembangunan yang bakal dilaksanakan ke arah menjadi rantau yang dinamik serta berdaya saing menjelang tahun 2025 dan seterusnya.

Antara sektor yang digariskan adalah dengan memberi perhatian kepada kemasukan lebih banyak pelaburan, membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan peluang keusahawaan yang boleh dimanfaatkan oleh rakyat.

Di peringkat kerajaan negeri pula, penelitian berkaitan Pelan Induk ini sedang dilaksanakan melalui pengwujudan sesi penglibatan bersama pemegang-pemegang taruh seperti jabatan atau agensi kerajaan bersama pihak swasta supaya dapat mengumpulkan maklum balas dan ulasan terhadap Pelan Induk ini, sebelum ia dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor.



**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)**

**SOALAN 27 (A66)**

Berapakah sumbangan daripada hasil Permodalan Darul Takzim (PDT) kepada Kerajaan Negeri Johor untuk tahun 2017, 2018 dan 2019 sehingga kini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman ahli-ahli dewan yang mulia, Permodalan Darul Ta'zim Sdn Bhd (PDT) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Johor yang telah ditubuhkan pada 16 Disember 1994 dan mula aktif semula sejak tahun 2014.

Tujuan utama penubuhan PDT adalah untuk memiliki semua asset dan ekuiti Kerajaan Negeri Johor yang sebelum ini dipegang oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (SSI)

PDT juga berperanan untuk mengenal pasti pelaburan - pelaburan strategik di negeri Johor di mana kerajaan Negeri perlu melibatkan diri di dalamnya.

Untuk kekal relevan, PDT telah membina kekuatan tersendiri dan memastikan objektif serta fungsinya tidak bertindan dengan GLC negeri Johor yang lain. Oleh itu, PDT memberi fokus kepada sektor perkhidmatan terutamanya dalam bidang operasi dan penyenggaraan khususnya industri minyak & gas di RAPID, Pengerang.

PDT turut menceburi sektor air dan pembangunan hartanah.

PDT berjaya memberikan pulangan kepada Kerajaan Negeri Johor dan secara tidak langsung memberi limpahan manfaat kepada rakyat Negeri Johor. Peratusan sumbangan PDT kepada Kerajaan Negeri Johor adalah sepertimana berikut:-

- a. Tahun 2017 : 40% daripada pendapatan PDT bagi tahun 2017
- b. Tahun 2018 : 66% daripada pendapatan PDT bagi tahun 2018
- c. Sehingga Mei 2019, jumlah sumbangan PDT kepada Kerajaan Negeri Johor adalah melebihi 80% daripada pendapatan.

Sumbangan adalah dalam bentuk kewangan untuk menjayakan program – program di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) PDT:-

- a. Insentif Harapan Siswa;  
(Bantuan untuk pelajar Diploma dan Ijazah di bawah kategori B40)
- b. Tabung Pendidikan Sarjana PDT;  
(bantuan untuk pelajar Master di bawah kategori B40)
- c. Kursus Jangka Pendek Pegawai Tadbir Negeri Johor;
- d. Tabung Pendidikan Kakitangan Kerajaan Kumpulan Pelaksana Johor;

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

- e. Kursus Jangka Pendek Guru-Guru KAFA;
- f. Kursus Jangka Pendek Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- g. Projek “Shelter” (khusus bagi golongan gelandangan)

Selain itu, PDT turut menanggung kos operasi empat (4) organisasi berikut:

- i. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Johor (SSI);
- ii. Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor;
- iii. Perbadanan Usahawan Negeri Johor; dan
- iv. Johor Special Water Sdn Bhd.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)**

**SOALAN 28 (A9)**

Senaraikan bilangan kes kemalangan, kemalangan maut dan jenis kenderaan yang terlibat di Jalan Batu Pahat dan Jalan Kluang dan senaraikan hotspot kemalangan di jalan yang tersebut di atas dan apa sebab kemalangan kerap berlaku di jalan tersebut?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Yong Peng, jumlah kes kemalangan dan kemalangan maut di Jalan Batu Pahat - Jalan Kluang bermula Januari 2019 sehingga Mei 2019 adalah melibatkan sebanyak 178 kes kemalangan dan 13 kes kemalangan maut.

Kawasan kemalangan yang telah dikenal pasti sebagai hotspot di Jalan Batu Pahat – Jalan Kulang adalah di:

- i. Kilometer 20 – 34 Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam – Kluang.
- ii. Kilometer 100 - 125, Jalan Johor Bahru – Melaka – Tanjung Laboh – Bukit Condong – Peserai.
- iii. Kilometer 135 – 136, Jalan Johor Bahru – Melaka – Tanjung Laboh – Bukit Condong – Peserai.
- iv. Kilometer 110 – 115, Jalan Johor Bahru – Seremban – Yong Peng.

Punca-punca utama kemalangan juga telah dikenal pasti, iaitu:

- a. Kecuaian pemandu / penunggang sendiri yang memandu / menunggang dengan laju.
- b. Sikap pengguna jalanraya yang mementingkan diri sendiri dan tidak bertimbang rasa di atas jalanraya seperti memandu perlahan di lorong kanan, keluar masuk simpang tanpa memberi isyarat yang sepatutnya, mengekori rapat, dan lampu belakang tidak berfungsi.
- c. Keadaan jalan tidak rata dan beralun.
- d. Tiada pembahagi jalan menyebabkan pengguna jalanraya sesuka hati menyeberang jalan.
- e. Kurang lampu jalan menyebabkan pencahayaan kurang jelas dan kebanyakan lampu jalan yang ada terlindung oleh pokok-pokok yang ditanam di tepi jalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

- f. Jejantas Yang Sedia Ada Tidak Digunakan Untuk Melintas Jalan.
- g. Tiada disediakan laluan untuk motosikal dan basikal (terutama di kawasan Sri Gading, kawasan kilang kerana pekerja kilang, ramai yang menunggang motosikal dan basikal).
- h. Tiada penanda jalan/ papan tanda secukupnya (tiada tanda had laju, tiada menunjukkan kawasan kampung/ simpang masuk kampung, tiada menunjukkan kawasan kerap berlaku kemalangan jalan raya).
- i. Bahu jalan tidak bertar, sangat kecil dan tidak sama rata dengan jalan utama menyebabkan ruang untuk pengguna motosikal terhad.
- j. Faktor cuaca di mana keadaan cuaca dan jalan basah.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB DATUK HAJI SAMSOLBARI BIN JAMALI (SEMARANG)**

**SOALAN 29 (A65)**

Berapakah bilangan plot dan jumlah keluasan tanah milik GLC negeri Johor yang telah di serah balik keseluruhannya atau sebahagiannya kepada kerajaan negeri Johor sehingga kini?

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman Yang Berhormat Semarang, bagi maksud penyerahan sama ada sebahagian tanah ataupun keseluruhan tanah milik GLC, ianya boleh dipecahkan kepada serahan kepada kerajaan sebagai kemudahan awam semasa permohonan pembangunan Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) atau penyerahan khusus bagi tujuan tertentu seperti pembangunan perumahan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ), Rumah Mampu Biaya Johor (RMBJ), kemudahan awam, kemudahan sukan dan sebagainya.

Untuk tujuan serahan bagi tujuan pembangunan, keluasan yang diserahkan bagi tujuan tersebut adalah sebagaimana ketetapan yang terapat di dalam Manual Piawaian dan Garis Panduan Perancangan Negeri Johor yang sedang berkuat kuasa.

Selain itu, terdapat juga tanah milik GLC yang diserahkan sebahagian bagi tujuan infrastruktur sukan seperti Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI) membuat serahan tanah seluas 30 ekar (12.1406 hektar) di Senai dan 35 ekar (14.164 hektar) di Gelang Patah.

Manakala bagi tujuan serahan keseluruhan, hanya terdapat beberapa kawasan yang diserahkan untuk perumahan iaitu 6.8 ekar (2.7519 hektar) di Bandar Baru Majidee Johor Bahru, 52.7 ekar (21.3269 hektar) di Bandar Dato Onn, Johor Bahru dan 142 ekar (57.4654 hektar) di Sri Pantai Mersing.

**SOALAN-SOALAN LISAN  
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR  
PADA HARI KHAMIS, 4 JULAI 2019**

**YB SENATOR DATUK ZAHARI BIN SARIP (BULUH KASAP)  
SOALAN 30 (A190)**

Minta kerajaan menyatakan bilakah kerajaan negeri akan mengumumkan keputusan temu duga tanah umum di dalam Kawasan DUN Buloh Kasap Segamat yang telah di temu duga lebih 10 tahun lalu.

**JAWAPAN YAB MENTERI BESAR**

Untuk makluman ahli-ahli dewan yang mulia, permohonan tanah umum yang dimaksudkan adalah yang melibatkan Tanah Umum Bukit Bujang 1 (140 pemohon), Bukit Bujang II (2619 pemohon) dan Tanah Umum Jelebak (2525 pemohon).

Jumlah plot bagi ketiga-tiga tanah umum ini adalah sebanyak 170 plot dengan keluasan lebih kurang 655 ekar (265.069 hektar).

Bagi Tanah Umum Bukit Bujang I, pengumuman telah dibuat pada September 2003 dan proses temuduga telah dibuat pada Februari 2005 dan telah ada kelulusan pemberimikan sebagaimana Jun 2007 namun terdapat bantahan daripada mantan ADUN Buloh Kasap (Datuk Hj Othman bin Jais) mengenai keputusan kerajaan tersebut.

Satu laporan telah dimajukan kepada Setiausaha Sulit Menteri Besar Johor pada Oktober 2017 dan maklumbalas daripada YAB Menteri Besar Johor pada Disember 2018 bersetuju satu perakuan semula dibuat dengan mengekalkan keputusan sedia ada.

Bagi permohonan Tanah Umum Bukit Bujang II, Pengumuman telah dibuat pada Februari 2003 dan proses temuduga telah dilakukan pada April 2006. Permohonan pemberimilikan telah diluluskan pada Januari 2012. Walaubagaimanapun, keputusan tersebut disemak semula kerana ada perubahan jajaran pembinaan jalan Bukit Bujang ke Balai Badang/Mensudut Lama yang menyebabkan pelan perakuan berubah.

Bagi permohonan Tanah Umum Jelebak telah diumumkan pada Mei 2003 dan proses temuduga telah dibuat pada 22 Disember 2005. Permohonan ini telah diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri, namun keputusannya adalah TANGGUH bagi semakan semula senarai nama pemohon.

Bagi permohonan Tanah Umum Bukit Bujang I dan Bukit Bujang II, Pentadbiran Tanah Segamat sedang dalam semakan sebelum di bawa semula untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.